

**HUBUNGAN ANTARA KREATIVITI PENGAJARAN
GURU TEKNOLOGI BENGKEL
DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI SABAH**

JAINIH BIN SABIN



PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2007


PENGAKUAN

HUBUNGAN ANTARA KREATIVITI PENGAJARAN GURU TEKNOLOGI BENGKEL DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI SABAH

Disertasi ini dikemukakan kepada Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Universiti Malaysia Sabah bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Dalam Pengurusan Pendidikan.

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


JAINIH BIN SABIN
PS04-006(K)-058
16 APRIL 2007

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGESAHAN

Disertasi bertajuk “Hubungan Antara Kreativiti Pengajaran Guru Teknologi Bengkel Dengan Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah Teknik Di Sabah”.

Disahkan :

 15/8/07

(EN. ANUAR BIN DIN)

Pensyarah Penyelia
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah
Kota Kinabalu.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Tuhan, Pencipta, yang memberikan hikmat dan pengetahuan. Dengan limpah berkat dan anugerah-NYA, disertai ini akhirnya berjaya disempurnakan.

Untuk menyiapkan kajian ini sememangnya memerlukan kesabaran diri, kerjasama, bantuan dan komitmen banyak pihak. Justeru, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah penyelia Encik Anuar Din, yang banyak memberi bimbingan dan nasihat terhadap penulisan ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Khasnya Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid dan Dr. Yusoff Abdullah yang telah membimbing saya dalam Kursus Pengurusan Pendidikan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pengetua-pengetua di empat buah sekolah menengah teknik di negeri Sabah, Guru-guru Aliran Vokasional Ketukangan, dan Pelajar-pelajar Kursus Elektronik yang memberikan kerjasama dalam kajian ini. Seterusnya khas kepada isteri yang tercinta Elicia Liew, anak-anak yang dikasihi Leonardo Jainih dan Viliana Jainih. Juga tidak lupa ayah saya Sabin Landasan dan semua keluarga yang telah memberi sokongan.

Tidak lupa diucapkan terima kasih kepada ketua-ketua unit dan guru Bahasa Melayu di kesemua sekolah yang digunakan sebagai tempat kajian yang telah menyemak dan mengesahkan soalan soal selidik sebelum diedarkan kepada pelajar-pelajar di sekolah kajian. Juga ucapan terima kasih kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Pusat Sumber Jabatan Pelajaran Sabah yang telah berkerjasama dan memberi kebenaran untuk mengadakan penyelidikan.

JAINIH BIN SABIN
TAMAN SERI BORNEO
LORONG 5, NO. 3, JALAN LINTAS
88540 KOTA KINABALU, SABAH.
(013-5553557 /088-423742 (Sek)

ABSTRAK

Kreativiti merupakan satu topik yang sering diberi tumpuan dalam pelbagai bidang, baik sebagai satu proses pemikiran, personaliti, persekitaran mahupun hasil kerja. Kerajaan Malaysia telah memulakan pelbagai usaha ke arah membangunkan dan mengembangkan daya kreativiti rakyat dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan dan perniagaan. Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel di sekolah-sekolah menengah teknik di Sabah. Penyelidik telah memilih dua buah sekolah menengah teknik di luar bandar dan dua buah lagi di bandar secara rawak mudah. Manakala 98 orang guru sebagai responden kumpulan pertama dan 83 orang pelajar sebagai responden kumpulan kedua sebagai sampel kajian yang dipilih secara rawak berlapis daripada populasi kajian seramai 128 orang guru dalam kalangan aliran vokasional ketukangan dan 100 orang pelajar tingkatan lima kursus Elektronik. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan data diperolehi melalui soal selidik berasaskan 5 Skala Likert yang diedarkan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar secara berasingan dan seterusnya dianalisis menggunakan program "Analisis Data Berkomputer" (*SPSS 11.5 For Windows*). Data maklumat demografi responden di analisis secara Statistik Deskriptif, manakala Statistik Inferensi seperti Ujian t bagi menguji hipotesis berkaitan perbezaan kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman mengajar, tahap umur, pengalaman berkursus, dan lokasi sekolah. Berikutnya, pengkaji menggunakan kolerasi pearson bagi menguji hipotesis yang dibina menggunakan Model Ujian Pemikiran Kreatif Torrance (Torrance, 1984) iaitu empat dimensi kreativiti guru dan yang utama ialah kreativiti pengajaran guru. Seterusnya ujian kolerasi pearson digunakan untuk menguji hipotesis yang dibina menggunakan Model *Khatena-Torrence Creative Perception Inventory* (1998) iaitu kreativiti pembelajaran pelajar. Aras kepastian 0.05 digunakan untuk tujuan pengukuran keseluruhan hipotesis. Dapatan kajian menunjukkan menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman mengajar, tahap umur, dan pengalaman berkursus. Manakala wujud perbezaan yang signifikan antara kreativiti pengajaran guru dari segi lokasi sekolah. Seterusnya tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kreativiti guru dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel dari dimensi kreativiti guru sebagai proses mental mahupun dalam konteks individu. Tetapi wujud hubungan yang signifikan antara kreativiti guru dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel dari dimensi kreativiti guru sebagai ciptaan produk tetapi pada tahap sangat lemah. Hasil dapatan yang utama menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel walaupun pada tahap sangat lemah. Akhir sekali, tidak wujud hubungan yang signifikan antara kreativiti pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel. Oleh itu bagi tujuan kajian lanjutan, penyelidik mencadangkan satu kajian yang lebih menyeluruh yang melibatkan populasi yang lebih besar misalnya populasi guru dan pelajar dari satu daerah bagi menggambarkan hasil dapatan yang lebih konsisten. Kebaikannya adalah dapat mengkaji perbezaan kreativiti pengajaran guru dari sekolah menengah harian dengan guru sekolah menengah teknik di Sabah serta hubungan kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar yang lebih jelas.

ABSTRACT

Creativity is a topic that requires focus in various aspects namely thinking process, personality, environment and work product. The government has started various approaches in developing creativity skills in education and business. This study is conducted to study the relationship between teachers creative teaching and students achievement in Workshop Technology among technical schools in Sabah. The researcher has chosen 2 technical schools in rural area and 2 technical schools in urban area randomly. For this study, 98 teachers and 83 students involve as respondents have been selected through random stratification out of 128 vocational teacher and 100 form 5 Electronic students. The study uses quantitative studies and the data gathered through teacher checklist based on 5 Likert scale. The data are then analyzed using "Computerized Data Analysis" (SPSS 11.5 for Windows). The respondent demographic information data is analyzed using Statistic Descriptive while Statistic Inferences such as t-test for testing the hypothesis pertaining the difference of teachers teaching in terms of teaching experiences, age, course experiences and school location. In addition, the researcher uses Pearson Correlation for testing the hypothesis develop using Torrance Creative Thinking Test Model (Torrance, 1984). Next the Pearson Correlation is used to the study the hypothesis using Khatena-Torrance Model Creative Perception Inventory (1998) that is students creative learning. The 0.05 level of justification is used to measure the while hypothesis. Based on the study it is found that there is no significant differences of teachers creativity with regards to teaching experiences, age and course experiences. However, there is significant differences between teachers creative teaching and schools location in addition it is found that there is no significant relationship between teachers creativity and students achievement in Workshop Technology in which teachers serve as the mental process or individual context. Yet, from the study it is also found that teachers do have significant role in students achievement especially in product creation. However, the relationship is seen as weak. Most and foremost, it is indeed true and proven that teachers teaching creativity influence students achievement in Workshop Technology subject. Finley, there is no significant relationship between students creativity learning and students achievement in Workshop Technology course. Hence, for future study the researcher suggests that the number or population of the current sample is increased in order to find a more relevant and valid and consistent findings. Also, it helps to give clear picture of the difference of teachers creativity between normal secondary school and technical school.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SINGKATAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Tujuan Kajian	6
1.6 Objektif Kajian	7
1.7 Hipotesis	7
1.8 Definisi Operasional	8
1.8.1 Kreativiti	8
1.8.2 Hubungan	9
1.8.3 Guru	10
1.8.4 Pengajaran dan Pembelajaran	11

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.8.5	Pelajar	11
1.8.6	Persepsi	12
1.8.6	Peperiksaan Gempur	13
1.9	Limitasi Kajian	13
1.10	Kepentingan Kajian	14
1.11	Penutup	15

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Model Ujian Pemikiran Kreatif Torrance	16
2.2.1	Kreativiti Sebagai Proses Mental	17
2.2.2	Kreativiti Sebagai Ciptaan Produk	18
2.2.3	Kreativiti Dalam Konteks Persekitaran	19
2.2.4	Kreativiti Dalam Konteks Individu	20
2.3	Model <i>Khatena-Torrence Creative Perception Inventory</i>	20
2.4	Konsep Pengajaran dan Pembelajaran	23
2.4.1	Prinsip-Prinsip Pembelajaran	24
2.4.2	Gaya Pembelajaran Pelajar	25
2.5	Teori Pembelajaran	26
2.5.1	Teori Pembelajaran Sosial	27
2.5.2	Teori Pelbagai Kecerdasan	28
2.5.3	Teori Konstruktivisme	29
2.6	Kajian Lepas	29
2.6.1	Kajian Lepas di Dalam Negara	30
2.6.2	Kajian Lepas di Luar Negara	38
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	41
2.8	Penutup	42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Rekabentuk kajian	43
3.3	Tempat Kajian	44
3.4	Populasi Kajian	45
3.5	Sampel kajian	45
3.6.	Instrumen Kajian	45
3.7	Kajian Rintis	47
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	47
3.9	Kaedah Pemarkatan Skor Kajian	49
3.10	Prosedur Kajian	50
3.11	Tatacara Pengumpulan Data	51
3.12	Penganalisan Data	51
3.12.1	Statistik Deskriptif	53
3.12.2	Analisis Ujian-t	53
3.12.3	Kolerasi Pearson ' r '	54
3.12.4	Pengujian Hipotesis Kajian	55
3.13	Penutup	57

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	58
4.2	Analisis Awalan Kajian	58
4.2.1	Analisis Demografi Responden 1 (Guru)	61
4.2.2	Analisis Demografi Responden 2 (Pelajar)	65
4.3	Analisis Soalan dan Hipotesis Kajian	70
4.3.1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman mengajar	70
4.3.2	Tidak terdapat perbezaan dalam kreativiti pengajaran guru dari segi tahap umur	71
4.3.3	Tidak terdapat terdapat perbezaan dalam kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman berkursus	72
4.3.4	Tidak terdapat perbezaan kreativiti pengajaran guru Teknologi Bengkel dari segi lokasi sekolah	73
4.3.5	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kreativiti guru sebagai proses mental dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	74
4.3.6	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kreativiti guru sebagai ciptaan produk dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	75
4.3.7	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kreativiti guru dalam konteks persekitaran dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	76
4.3.8	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kreativiti guru dalam konteks individu dengan pencapaian pelajar dalam subjek Teknologi Bengkel	77
4.3.9	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar dalam subjek Teknologi Bengkel	78
4.3.10	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kreativiti pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	79
4.4	Rumusan Dapatan Kajian	80
4.5	Penutup	82

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN, DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	83
5.2	Perbincangan	83
5.2.1	Perbezaan dalam kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman mengajar	83
5.2.2	Perbezaan dalam kreativiti pengajaran guru dari segi tahap umur	85
5.2.3	Perbezaan dalam kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman berkursus	86
5.2.4	Perbezaan dalam kreativiti pengajaran guru dari segi lokasi sekolah	86
5.2.5	Hubungan antara kreativiti guru sebagai proses mental dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	87
5.2.6	Hubungan antara kreativiti guru sebagai ciptaan produk dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	88
5.2.7	Hubungan antara kreativiti guru dalam konteks persekitaran dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	89
5.2.8	Hubungan antara kreativiti guru dalam konteks individu dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	90
5.2.9	Hubungan antara kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	91
5.2.10	Hubungan antara kreativiti pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel	92
5.3	Rumusan Dapatan	94
5.4	Perbincangan Teori	95
5.5	Implikasi Kajian	97
5.6	Cadangan	98
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	100
5.7	Kesimpulan	102

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Surat Pengesahan Pelajar UMS
LAMPIRAN B	Surat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia
LAMPIRAN C	Kebenaran daripada Unit Perhubungan, Pendaftaran dan Pendidikan Swasta, Jabatan Pelajaran Sabah
LAMPIRAN D	Jadual Pemilihan Sampel
LAMPIRAN E	Borang Soal Selidik
LAMPIRAN F	Senarai Penyemak Soal Selidik
LAMPIRAN G	Surat Permohonan Menjalankan Kaji Selidik di Sekolah kepada Pengetua Sekolah
LAMPIRAN H	Surat Perlantikan Sebagai Penyelia Disertasi Pelajar - Jainih bin Sabin (PS04-006(k)-058)

SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah
IPTA	Institut pengajian tinggi awam
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan
JPT	Jabatan Pendidikan Teknikal
BKTV	Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional
BPPTV	Bahagian Pengurusan Pendidikan Teknikal dan Vokasional
ENK	Kursus Elektronik
ELK	Kursus Elektrik
BB	Kursus Binaan Bangunan
PPU	Penyejukan dan Penyamanan Udara
AUTO	Kursus Automotif
ABM	Amalan Bengkel Mesin
KFL	Kimpalan dan Fabrikasi Logam
SMT LB	Sekolah Menengah Teknik Luar Bandar
SMT B	Sekolah Menengah Teknik Bandar
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
KBKK	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif
TTCT	Model Ujian Pemikiran Kreatif Torrance (<i>Torrance Tests of Creative Thinking</i>)
SAM	<i>Something About Myself – Khatena</i> (<i>Torrance Creative Perception Inventory</i>)
WGCT	<i>Watson Glasser Critical Thinking</i>
LSOC	<i>Likert Scale Organizational Climate</i>
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Set Soal Selidik Mengikut Pembahagian	46
3.2	Pekali Kebolehpercayaan Bagi Setiap Dimensi Kreativiti Pengajaran Subjek Teknologi Bengkel Dari Sudut Persepsi Guru Teknologi Bengkel.	48
3.3	Pekali Kebolehpercayaan Bagi Setiap Dimensi Kreativiti Pembelajaran Pelajar Dari Sudut Persepsi Pelajar	48
3.4	Skor dan Pemarkatan 5 Skala Likert Tentang Kreativiti Pengajaran Subjek Teknologi Bengkel Dari Sudut Persepsi Guru dan Tentang Kreativiti Pembelajaran Pelajar Dari Sudut Persepsi Pelajar	49
3.5	Prosedur Kajian	50
3.6	Klasifikasi Kekuatan Pekali Kolerasi	54
3.7	Pemilihan Alat Statistik Yang Sesuai Berasaskan Skala Pengukuran Mengikut Tuckman (1978)	55
4.1	Populasi Kajian	59
4.2	Taburan Responden Mengikut Sekolah Berdasarkan Persampelan	60
4.3	Bilangan Responden Mengikut Jantina (Guru)	61
4.4	Bilangan Responden Mengikut Umur (Guru)	61
4.5	Bilangan Responden Mengikut Lokasi Sekolah (Guru)	62
4.6	Bilangan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar (Guru)	62
4.7	Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi (Guru)	63
4.8	Bilangan Responden Mengikut Kursus Yang Diajar (Guru)	63
4.9	Bilangan Responden Mengikut Kekerapan Mengikuti Kursus Peningkatan Profesionalisme (Guru)	64
4.10	Bilangan Responden Mengikut Jantina (Pelajar)	65
4.11	Bilangan Responden Mengikut Tempat Bersekolah (Pelajar)	65

4.12	Bilangan Responden Mengikut Pihak Yang Menentukan Pengkhususan (Pelajar)	66
4.13	Bilangan Responden Mengikut Gred Markah Peperiksaan Gempur Tahun 2007 Subjek Teknologi Bengkel (Elektronik)	66
4.14	Bilangan Pelajar Tingkatan Lima Aliran Ketukangan Mengikut Gred Markah Peperiksaan Gempur Tahun 2007 Subjek Teknologi Bengkel	67
4.15	Bilangan Responden Mengikut Kekerapan Mengikuti Kursus Motivasi	68
4.16	Bilangan Responden Mengikut Kekerapan Mengikuti Program Kecemerlangan Akademik (Pelajar)	69
4.17	Bilangan Responden Mengikut Sasaran SPM Dalam Mata Pelajaran Teknologi Bengkel (Elektronik)	69
4.18	Perbezaan Dalam Kreativiti Pengajaran Guru Dari Segi Pengalaman Mengajar	70
4.19	Perbezaan Dalam Kreativiti Pengajaran Guru Dari Segi Tahap Umur	71
4.20	Perbezaan Dalam Kreativiti Pengajaran Guru Dari Segi Pengalaman Berkursus	72
4.21	Perbezaan Dalam Kreativiti Pengajaran Guru Dari Segi Lokasi Sekolah	73
4.22	Hubungan Antara Kreativiti Guru Sebagai Proses Mental Dengan Pencapaian Pelajar	74
4.23	Hubungan Antara Kreativiti Guru Sebagai Ciptaan Produk Dengan Pencapaian Pelajar	75
4.24	Hubungan Antara Kreativiti Guru Dalam Konteks Persekitaran Dengan Pencapaian Pelajar	76
4.25	Hubungan Antara Kreativiti Guru Dalam Konteks Individu Dengan Pencapaian Pelajar	77
4.26	Hubungan Antara Kreativiti Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Pelajar Bagi Subjek Teknologi Bengkel	78
4.27	Hubungan Antara Kreativiti Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Pelajar Bagi Subjek Teknologi Bengkel	79
4.28	Dapatan Kajian	80

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Dimensi Kreativiti Pengajaran Guru (Ubahsuai dari Model Ujian Pemikiran Kreatif Torrance)	17
2.2	Dimensi Kreativiti Pembelajaran Pelajar (Ubahsuai dari Model <i>Khatena-Torrence Creative Perception Inventory</i>)	21
2.3	Kerangka Kajian	41



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran merupakan intipati kurikulum dalam sesebuah organisasi pendidikan termasuk sekolah. Oleh hal yang demikian, aspek ini sentiasa menjadi perhatian khususnya oleh mereka yang berkecimpung dalam pendidikan. Justeru rujukan bagi kecemerlangan sesebuah sekolah sering kali dilabel daripada pencapaian para pelajarnya dalam setiap peperiksaan yang di duduki. Hal ini sememangnya berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran di luar dan dalam bilik darjah. Sufa'at Tumin (2006) menyatakan bahawa pemerhatian menunjukkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di sekolah akan membuahkan keputusan yang cemerlang. Berkesan atau tidak proses pengajaran dan pembelajaran tidak hanya terhad kepada kecemerlangan akademik, bahkan merangkumi aspek-aspek melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah peningkatan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan", (Falsafah Pendidikan Negara, 1988). Maka menjadi tanggungjawab Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan

Malaysia untuk memaju dan memperkembangkan taraf pendidikan vokasional agar mendapat sambutan dalam kalangan pelajar dan ibu bapa, sekali gus meletakkannya sebaris dengan pendidikan akademik yang ada sekarang. Pada masa yang sama pentadbir dan pendidik di sekolah menengah teknik memainkan peranan penting untuk menyalurkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Joohari (1994) menyatakan bahawa di sekolah guru berperanan mendidik, mengasuh, menunjuk ajar, membimbing, membina dan memandu golongan pelajar ke arah suatu matlamat yang telah ditetapkan dengan berpanduan FPN dan Wawasan 2020.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kreativiti merupakan satu topik yang sering diberikan tumpuan dalam pelbagai bidang, sama ada sebagai satu proses pemikiran, personaliti, dan persekitaran mahupun hasil kerja. Kerajaan Malaysia telah memulakan pelbagai usaha ke arah membangun dan mengembangkan daya kreativiti rakyat dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan dan perniagaan. Contohnya; Kreativiti sekarang telah dijadikan salah satu mata pelajaran terpenting di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia telah menawarkan subjek 'Kreativiti dalam Penyelesaian Masalah Pendidikan Teknik dan Vokasional', kepada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pada masa yang sama, kerajaan juga telah mewujudkan sekolah-sekolah bestari yang menyediakan pembelajaran dengan menggunakan sepenuhnya kemudahan teknologi maklumat dengan harapan meningkatkan daya kreativiti dalam kalangan organisasi pendidikan dan seterusnya melahirkan pelajar-pelajar yang berdikari menuntut ilmu. Othman Lebar (2002) menyatakan bahawa salah satu contoh usaha kerajaan dalam pembangunan kreativiti ialah kemajuan bidang teknologi maklumat. Bagi memastikan kejayaan taraf pendidikan di negara kita, Mohd. Ali (1994) menyatakan bahawa perubahan paradigma dalam sistem pendidikan menuntut dan

menggesa kaum guru membuat perubahan terhadap kualiti pengajaran di mana salah satu elemen penting dalam perubahan ialah kreativiti. Guru merupakan agen pelaksana yang penting dalam mengeluarkan lepasan sekolah yang berdaya fikir dan kreatif serta mampu menjana idea dan rekaan baharu untuk membangunkan industri berasaskan produk dan perkhidmatan bernilai tambah (Rohani, 1999). Pengembangan kreativiti merupakan fokus pengisian kurikulum abad ke-21 selain daripada penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas (Noor Azmi, 1998).

Namun demikian masih terdapat banyak halangan kepada usaha kerajaan tersebut. Antaranya dalam bidang pendidikan, usaha kreativiti yang kurang dalam kalangan ahli-ahli organisasi sekolah semasa menjalankan tugas-tugas pengajaran seharian. Usaha kreativiti patut ditingkatkan sekiranya mahu mencapai keputusan cemerlang pelajar dalam peperiksaan SPM. Md. Fiah (2005), menyatakan bahawa kualiti pengajaran yang rendah berpunca daripada kelemahan kemampuan atau kreativiti guru untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar sehinggakan mereka tidak dapat menerimanya dengan mudah. Manakala Esah Sulaiman (2003), berpendapat kualiti pengajaran dilihat dari sudut usaha guru-guru merancang dan menyampaikan maklumat atau melaksanakan aktiviti untuk pelajarinya mempelajari sesuatu. Rutter, 1979 (dalam Ananda Kumar, 2005) menyatakan bahawa keberkesanan sekolah mempunyai pertalian dengan apa yang berlaku di dalam sekolah itu sendiri iaitu proses pengajaran dan pembelajaran yang bermutu.

Oleh itu menjadi tanggungjawab guru-guru aliran vokasional ketukangan mengangkat martabat sekolah-sekolah menengah teknik agar seiring dengan kemajuan sekolah lain seperti Sekolah Menengah Sains dan Maktab Rendah Sains Mara. Guru-guru perlu bertindak segera mengubah sikap dalam merancang dan melaksanakan pengajaran. Usaha kreativiti patut ditingkatkan sekiranya mahu mencapai keputusan cemerlang pelajar-pelajar dalam peperiksaan SPM.

Pada masa yang sama, pelajar-pelajar juga harus bertanggungjawab kepada usaha peningkatan pembelajarannya dan memperbaiki kelemahan dengan mencari punca-punca kesukaran mereka dalam menguasai mata pelajaran Teknologi Bengkel. Menurut Kamariah (2005), interaksi dalam kalangan pelajar dan guru yang baik, positif dan mesra, kemudahan fizikal yang lengkap, aktiviti yang menarik dan membangun, sikap semua individu yang positif akan memberi insentif kepada pelajar-pelajar untuk mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan seterusnya berjaya dalam pencapaian akademik.


Kesimpulannya, untuk memastikan matlamat negara ini tercapai maka menjadi tanggungjawab guru sebagai pendidik memberikan ilmu yang secukup-cukupnya kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah teknik. Menurut Shahril (Jun 1993), tenaga sumber manusia yang diperlukan pada masa akan datang ialah pekerja-pekerja yang mempunyai pengetahuan, kreativiti, dan kemahiran yang tinggi. Justeru, guru yang mengajar mata pelajaran aliran vokasional berperanan penting merealisasikan matlamat negara, sebab dalam tangan merekalah terletaknya perkembangan warganegara dan tenaga manusia yang terlatih untuk masa yang akan datang.

1.3 Pernyataan Masalah

Mengikut laporan Bahagian Pengurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknikal (Dis. 2006), dalam persidangan pengetua-pengetua sekolah menengah teknik di Kucing, Sarawak, bahawa pencapaian subjek Teknologi Bengkel di sekolah-sekolah menengah teknik sejak lima tahun kebelakangan ini adalah rendah berbanding pencapaian subjek akademik dalam keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Susulan daripada maklumat tersebut maka semua pentadbir sekolah telah diarah mencari punca faktor kemerosotan serta langkah penyelesaian mengatasi masalah kelemahan pencapaian subjek Teknologi Bengkel.

Masalah lain ialah guru-guru aliran vokasional ketukangan menerima pelajar-pelajar yang hanya mempunyai kelulusan tahap D dalam peperiksaan PMR bagi semua subjek. Situasi ini akan memberi kesan kepada kegagalan mereka menguasai pembelajaran dengan lebih baik sedangkan aras sukatan pelajaran bagi subjek Teknologi Bengkel adalah tinggi. Namun demikian, persoalan yang timbul ialah sejauh mana guru-guru yang menerima cabaran ini berusaha mengoptimumkan usaha kreativiti pengajaran mereka.

Seterusnya, ialah sikap kurang prihatin dan kelemahan dalam kalangan guru-guru aliran vokasional ketukangan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran pengajaran di dalam dan luar bilik darjah selepas mereka tamat berkursus. Sedangkan dalam kalangan tenaga pengajar ini ramai yang berpengalaman mengajar, menjadi penggubal soalan peperiksaan SPM bagi kertas Teknologi Bengkel dan kerap mengikuti kursus peningkatan profesionalisme. Sehubungan dengan isu di atas, kajian ini cuba menentukan sama ada wujud atau tidak hubungan kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar dalam subjek Teknologi Bengkel.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, beberapa soalan kajian dikemukakan:

- (a). Adakah terdapat perbezaan kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman mengajar, tahap umur, pengalaman berkursus, dan lokasi sekolah?
- (b). Adakah terdapat hubungan antara kreativiti guru sebagai proses mental dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel?
- (c). Adakah terdapat hubungan antara kreativiti guru sebagai ciptaan produk dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel?
- (d). Adakah terdapat hubungan antara kreativiti guru dalam konteks persekitaran dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel?

- (e). Adakah terdapat hubungan antara kreativiti guru dalam konteks individu dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel?
- (f). Adakah terdapat hubungan antara kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel?
- (g). Adakah terdapat hubungan antara kreativiti pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel?

1.5 Tujuan Kajian

- (a). Mengkaji sama ada wujud perbezaan kreativiti pengajaran guru-guru Teknologi Bengkel dari segi pengalaman mengajar, tahap umur, pengalaman berkursus, dan lokasi sekolah berdasarkan aspek persepsi guru terhadap kreativiti pengajaran dengan demografi responden kumpulan 1(guru).
- (b). Mengkaji hubungan kreativiti guru Teknologi Bengkel dengan pencapaian pelajar dalam subjek Teknologi Bengkel berdasarkan persepsi guru Teknologi Bengkel terhadap setiap dimensi-dimensi kreativiti guru dan data gred markah pelajar dalam peperiksaan Gempur, 2007.
- (c). Mengkaji hubungan kreativiti pengajaran guru Teknologi Bengkel dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel berdasarkan persepsi guru terhadap kreativiti pengajaran mereka dan data gred markah pelajar dalam peperiksaan Gempur, 2007.
- (d). Mengkaji hubungan antara kreativiti pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel, berdasarkan aspek persepsi pelajar tingkatan lima kursus Elektronik dan data gred markah mereka dalam peperiksaan Gempur tahun 2007. Ini merupakan satu contoh dapatan yang akan memberi gambaran fenomena kreativiti pembelajaran dalam masa kini.

1.6 Objektif Kajian

- (a). Untuk mengenal pasti perbezaan kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman mengajar, tahap umur, pengalaman berkursus, dan lokasi sekolah.
- (b). Untuk menentukan hubungan antara kreativiti guru sebagai proses mental dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- (c). Untuk menentukan hubungan antara kreativiti guru sebagai ciptaan produk dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- (d). Untuk menentukan hubungan antara kreativiti guru dalam konteks persekitaran dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- (e). Untuk menentukan hubungan antara kreativiti guru dalam konteks individu dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- (f). Untuk menentukan hubungan antara kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- (g). Untuk menentukan hubungan antara kreativiti pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.

1.7 Hipotesis

- Ho1 : Tidak terdapat perbezaan kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman mengajar.
- Ho2 : Tidak terdapat perbezaan kreativiti pengajaran guru dari segi tahap umur.
- Ho3 : Tidak terdapat perbezaan kreativiti pengajaran guru dari segi pengalaman berkursus.
- Ho4 : Tidak terdapat perbezaan kreativiti pengajaran guru dari segi lokasi sekolah.
- Ho5 : Tidak terdapat hubungan antara kreativiti guru sebagai proses mental dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.

- Ho6 : Tidak terdapat hubungan antara kreativiti guru sebagai ciptaan produk dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- Ho7 : Tidak terdapat hubungan antara kreativiti guru dalam konteks persekitaran dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- Ho8 : Tidak terdapat hubungan antara kreativiti guru dalam konteks individu dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- Ho9 : Tidak terdapat hubungan antara kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.
- Ho10 : Tidak terdapat hubungan antara kreativiti pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar bagi subjek Teknologi Bengkel.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Kreativiti

Menurut Abu Bakar (2001), kreativiti adalah antara kemahiran dan kebolehan yang dianggap penting untuk pembelajaran. Fleksibiliti dan kesediaan mengambil risiko merupakan ciri penting kreativiti yang menggalakkan pembelajaran. Ananda Kumar (2005), kreativiti adalah proses mental, ciptaan produk, ciri-ciri personaliti kreatif individu, dan aspek persekitaran yang menyuburkan suasana supaya idea-idea baru dapat bercambah dengan baik dan sempurna. Kamus Dewan, Edisi Ketiga (1996), kreativiti diertikan sebagai kemampuan atau kebolehan mencipta, daya kreatif atau kekreatifan seseorang. Ensiklopedia Malaysiana (1996), kreativiti adalah kemampuan mencipta atau menghasilkan sesuatu. Menurut McInerney (1994) pula, terdapat definisi kreativiti yang menekankan sifat-sifat personaliti, ada yang memberi tumpuan kepada proses pemikiran dan ada juga yang menekankan hasil usaha sebagai kriteria kreativiti. Mohd. Ali (1994) dalam kajiannya menyatakan usaha kreativiti sebagai keupayaan seorang guru mengubahsuai dan mempelbagaikan kaedah pengajaran sehingga menampilkan